

Uchapan Y.B. Menteri Pelajaran, Enche Hussein Onn  
di-Sekolah Menengah Vokeshenal, Kuantan, Pahang pada  
22.8.1971, jam 9.00 pagi.

Para jemputan yang terhormat, Pengerusi Lembaga Pengelola Sekolah, Guru Besar, Guru2, Ibu2-bapa dan murid2 sekalian.

Saya berasa sangat sukachita kerana dapat hadir bersama2 dengan tuan2 dan puan2 di-majlis Uchapan, Penyampaian Hadiah, dan Pameran yang di-adakan di-Sekolah Menengah/Vokeshenal Kuantan ini. Inilah Sekolah Menengah Vokeshenal yang pertama yang dapat saya lawati sejak saya menjadi Menteri, untuk menyaksikan dengan lebeh dekat lagi hasil2 dan kegiatan Pelajaran Vokeshenal di-negara kita ini.

Saperti yang tuan2 dan puan2 sedia maalum, Kerajaan kita memang berazam untuk memperhebatkan lagi pelajaran Sains dan Teknologi di-sekolah2 bagi menyediakan warganegara2 yang chukup sedar dan terlatah bagi mengambil peranan yang wajar di-dalam satu masharakat moden dan progressif. Kementerian Pelajaran memang telah sedar akan kepentingan dan peranan pelajaran yang sesuai bagi murid2 di-sekolah di-dalam menchapai matlamat tersebut di-atas. Oleh itu sekolah2 khas di-perengkat Menengah Atas, Teknik dan Vokeshenal, telah pun di-dirikan bagi tujuan tersebut. Di-dalam kompleks Sekolah di-Alor Akar ini umpama-nya terdapat dua buah sekolah, Sekolah Vokeshenal ini dan Sekolah Menengah Teknik sebagai chontoh-nya. Kedua2-nya, sungguh pun berbedza chorak pelajaran masing2 tetapi adalah sama tujuan-nya, ia-itu memper-lengkapkan murid2 dengan pengetahuan dan latehan supaya mereka2 itu dapat mempersesuaikan diri kapada pekerjaan2 di-dalam bidang perindasterian. Tiadalah payah lagi saya menghuraikan dengan dalam-nya betapa penting-nya peranan perindasterian di-dalam pembenaan ekonomi negara kita kerana tuan2 dan puan2 sendiri telah sedia maalum akan usaha2 kerajaan di-dalam menggalakkan pembenaan-nya.

Di-masa ini terdapat beberapa buah Sekolah Menengah Vokeshenal di-seluruh negara bukan sahaja di-dalam bandar tetapi juga di-luar bandar. Sekolah2 ini memberi mata2 pelajaran berchorak vokeshenal di-dalam bidang pertukangan2 kejuruteraan, perdagangan, pertanian dan Sains Rumah Tangga dan bertujuan untuk menyediakan murid2 kapada pekerjaan2 di-bidang perindasterian. Di-mana yang boleh, saperti tuan akan saksikan sendiri, sekolah2 ini di-perlengkapkan sapenoh-nya dengan segala kemudahan2 untuk memberi mereka itu pelajaran2 tersebut dengan sempurna-nya. Kementerian Pelajaran yakin penoh akan sistem pelajaran vokeshenal ini dan kegunaan-nya. Oleh itu, Kementerian saya akan membena lebeh banyak lagi Sekolah2 Menengah Vokeshenal di-dalam tempoh Rancangan Pembangunan Malaysia Kedua. Dari tujuh buah yang di-ranchangkan, saya ingin mengumumkan bahawa dua daripada-nya ia-itu satu di-Kuala Lumpur dan satu lagi di-Seremban akan di-buka pada permulaan tahun 1972. Mengikut kajian yang telah di-buat bilangan penuntut dari sekolah2 ini akan bertambah dari lebeh kurang 4,510 dalam tahun 1970 hingga 12,830 dalam tahun 1975.

Maka nyatalah keazaman Kementerian saya untok menitek beratkan Pelajaran Vokeshenal. Tetapi di-dalam memulakan sa-suatu perkara yang baharu, dan di-dalam hal ini, akan terdapat halangan2 dan rintangan2 yang melambatkan kegunaan-nya yang sapenoh oleh murid2 terhadap kemudahan2 yang telah di-berikan. Tuan Pengerusi tadi telah mengatakan bahawa sagulongan besar ibu bapa daripada masharakat kita masch belum sedar akan faedah dan kegunaan pelajaran teknik, khusus-nya pelajaran Vokeshenal. Mereka menyangkakan bahawa Sekolah2 Menengah Vokeshenal adalah sekolah2 yang hanya sesuai bagi mereka yang tiada boleh melanjutkan pelajaran ka-Tingkatan IV sekolah2 akademik biasa dan juga tiada terdapat peluang2 yang baik sa-lepas lulus Sekolah2 Menengah Vokeshenal. Di-sini saya ingin mengumumkan bahawa murid2 sekolah Menengah Vokeshenal yang telah lulus di-dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Vokeshenal Malaysia mereka, dengan baik, telah pun di-ambil bagi meneruskan pelajaran mereka di-Politeknik Ungku Omar, Ipoh dan ada juga yang telah di-ambil bagi meneruskan latehan sebagai bakal guru2 Vokeshenal dan Seni Perusahaan di-Maktab Perguruan Teknik di-Kuala Lumpur. Bagi mereka yang ingin terus bekerja selepas lulus SPVM, Kerajaan juga telah mengiktiraf bahawa Sijil SPVM itu adalah sama nilai-nya bagi tujuan pekerjaan saperti SPM/MCE. Malahan bagi satengah2 gulongan pekerjaan pemegang2 Sijil ini di-utamakan dan di-beri gaji yang lebeh daripada pemegang Sijil SPM/MCE. Oleh itu, nyatalan bahawa sangkaan2 tadi tiadalah benar.

Sementara Kerajaan telah bersikap tegas terhadap Sekolah2 Vokeshenal dan memberi peluang pekerjaan yang penoh kapada mereka yang kelulusan yang wajar, maseh terdapat lagi setengah2 gulongan majikan di-kalangan swasta yang maseh tiada mengetahui akan kegiatan2 Sekolah2 Menengah Vokeshenal ini. Di-sini saya ingin mengulas bahawa saperti yang telah di-nyatakan di-atas, Sekolah Menengah Vokeshenal telah di-dirikan khusus sebagai tempat di-mana murid2 di-lateh bagi menyesuaikan diri untok pekerjaan2 tertentu di-kalangan perindustrian. Sukatan2 pelajaran dan isi-nya telah pun di-bentok bagi tujuan ini dan kemudahan2 di-selaraskan dengan keadaan di-dalam perindustrian. Dari apa yang saya ketahui dan lihat saya rasa langkah2 ini telah memberi kesan. Tuan2 dan puan2 sendiri akan melihat bagaimana murid2, yang di-dalam tempoh yang agak sengkat, ia-itu kurang daripada dua tahun, telah dapat menguasai beberapa jenis alat2 perkakas dan mesin2 telah dapat mengeluarkan hasil2 pekerjaan yang halus dan sempurna di-dalam bidang masing2. Saya yakin mereka ini akan senang di-lateh lagi di-dalam beberapa jenis pekerjaan perindustrian, jika di-beri peluang. Oleh itu, saya suka merayu kapada pihak2 majikan supaya menyaksikan sendiri akan pelajaran dan kebolehan murid2 di-semua Sekolah Menengah Vokeshenal.

Saya perchaya Guru Besar dan pihak sekolah akan berasa suka untok menunjukkan kebolehan kapada murid2 mereka bila2 sahaja. Saperti yang telah sedia di-maalumkan, negara kita berkehendakkan sabilangan besar pekerja2 perusahaan, lebeh kurang 300,000 orang dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua, dan saya juga perchaya murid2 Sekolah Menengah Vokeshenal akan dapat memainkan peranan yang penting bagi mengatasi kekurangan pekerja mahir dan sa-tengah mahir ini.

Di-samping kekurangan pekerja2 ini, di-dapati juga pekerja perindustrian di-masa ini adalah tiada lagi seimbang jika di-lihat daripada segi susunan masharakat kita, kerana amatlah kurang sungguh pekerja2 Bumiputra di-dalam Wokshop2 dan Kilang2 Perusahaan. Murid2 Bumiputra di-Sekolah Menengah Vokeshenal tiada berkurangan dan pada keselurohan-nya pencepapaian dan kebolehan mereka tiadalah kurang atau lebeh dari murid2 kaum yang lain. Di-sini saya suka menyatakan ia-itu jika kalangan swasta ingin memperseimbangkan keadaan ini, bakal2 pekerja2 Bumiputra bolchlah di-dapati dari murid2 Sekolah Menengah Vokeshenal.

Kapada murid2 pula saya seru mereka supaya sedar dan memahami penoh akan tujuan pelajaran mereka di-Sekolah2 Menengah Vokeshenal. Kemudahan2 telah pun di-beri, pehak2 sekolah dan guru2 telah pun berusaha memberi mereka pengetahuan dan latehan yang sesuai di-dalam tempoh mereka berada di-Sekolah ini. Jika mereka telah benar2 belajar, saya yakin mereka akan berjaya untok menchari pekerjaan yang sesuai. Mereka hendak-nya jangan-lah selalu bertumpu mengharapakan pekerjaan kapada pehak Kerajaan sahaja. Mereka mestilah berani menyambut chabaran pekerjaan di-kalangan swasta, berusaha bersunggoh2 dan menunjukkan kebolehan mereka yang telah di-terima dengan sapenoh-nya, saya perchaya dengan semangat ini, dan dengan azam yang kuat mereka akan berjaya di-mana2 sahaja mereka bekerja.

Sa-belun saya bertolak balek ka-Kuala Lumpur pada hari ini, suka saya mengumumkan bahawa Kementerian Pelajaran telah pun meluluskan satu peruntokan sebanyak \$1.2 juta untok menbena sa-buah sekolah berasrama penoh di-Kuantan ini. Pembenaan sekolah ini akan bermula dalam tahun ini dan di-harap siap pada tahun hadapan. Sekolah berasrama penoh ini akan mempunyai 24 bilek darjah, 9 ma'amal sains, ma'amal sains rumah tangga, workshop, pejabat Guru Besar dan asrama penunut2 perempuan serta lelaki. Sekolah berasrama penoh ini ia-lah satu daripada sa-puluh yang akan di-bena oleh Kementerian Pelajaran dalam Rancangan Malaysia Kedua ini.

Akhir kata, saya suka menguchapkan tahniah kapada pehak sekolah, guru2 dan murid2 yang telah berusaha untok mengadakan majlis dan pameran ini dan yang telah sudi menjemput saya bersama2.





No. Siri .....	53
No. Penerimaan .....	53/80